

UTAMA

RAIH ANUGERAH, MAHASISWA GEMILANG – MAJLIS ANUGERAH GEMILANG SISWA 2007

Meraih kejayaan dan kecemerlangan semestinya menjadi impian setiap pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan ini membuktikan dengan minat yang didorong oleh usaha berterusan semua itu tidak mustahil untuk digapai. Justeru itu, bagi merealisasikan impian dan harapan tersebut, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah menganjurkan "Majlis Anugerah Gemilang Siswa 2007" pada 27 Mac 2008 bertempat di Dewan Capitol, UniMAP. Majlis penganugerahan ini sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik di samping mempunyai ciri-ciri ketokohan, kepimpinan dan telah memberi sepenuh komitmen sepanjang berkecimpung dalam aktiviti ko-kurikulum.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, Y.A.B Datuk Md. Isa Sabu memilih Syarifah Nor Salwa Awaly dan Farah Farhana Zainal yang merupakan pelajar tahun 3 dan masing-masing dalam jurusan Kejuruteraan Perhubungan dan Kejuruteraan Metalurgi sebagai penerima Anugerah Siswa Terbilang. Kedua-dua pelajar ini merupakan Mantan MPP bagi sidang akademik 2006/2007 dan merupakan pelajar yang sanggup berkorban masa dan tenaga untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti-aktiviti anjuran universiti. Di samping itu, seramai 72 orang pelajar UniMAP telah berjaya mendapat anugerah kategori individu dan 19 pasukan pelajar

memenangi hadiah bagi kategori berkumpulan. Terdapat 18 kategori anugerah yang diwujudkan dan kategori anugerah tersebut merupakan satu penghormatan tertinggi kepada pelajar yang aktif dari setiap aspek kesukanan, kepimpinan, kesukarelaan, kebudayaan dan akademik sepanjang tahun 2007.

Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya menekankan bahawa pelajar IPT harus bergerak dengan lebih aktif bukan hanya dalam ruang lingkup akademik sahaja tetapi perlu meliputi aspek sosial dan juga sahsiah. Penganugerahan ini bukanlah bererti sebagai satu tanda penamat tetapi ianya perlu dilihat sebagai satu permulaan kepada satu usaha yang berterusan untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di UniMAP. Malah beliau juga berharap agar sumbangan dan pengorbanan pelajar yang terlibat adalah sejajar dengan usaha universiti untuk melahirkan warga universiti yang cemerlang, berilmu dan berdaya saing di pesada antarabangsa.

Selain itu, UniMAP turut memberi penghargaan kepada pelajar dari 6 sekolah dan masing-masing 2 anugerah kepada Kolej Matrikulasi dan Politeknik dalam penghargaan dan pengiktirafan sekolah atau Kolej Matrikulasi atau Politeknik Zon Utara.

